

**PENCAPAIAN MATLAMAT *OUTCOME-BASED EDUCATION*  
(*OBE*) DAN STRATEGI PEMBELAJARAN KENDIRI  
PENDIDIKAN ISLAM: SATU KAJIAN RINTIS**

**Ahmad Firdaus Mohd Noor (Ph.D)**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar

**Khairunnisa A Shukor (Ph.D)**

Akademi Tamadun Islam,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor

**Nur Afifah Saharudin**

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Ungku Omar, Ipoh

**Mohd Farhan Abd Rahman**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar

*Corresponding Author's Email: firdausnoor@uitm.edu.my*

***Article history:***

*Received : 2 June 2021*

*Accepted : 3 June 2021*

*Published : 31 October 2021*

**ABSTRAK**

Pendekatan OBE telah sekian lama diamalkan dalam institusi pendidikan di Malaysia sama ada di peringkat rendah, menengah, dan pendidikan tinggi. Penggunaan pendekatan OBE telah menjadi alternatif kepada metodologi pendidikan tradisional, yang mempersiapkan para pelajar sebelum memasuki dunia pekerjaan dan menghadapi cabaran hidup setelah menamatkan pengajian. Pelajar-pelajar yang telah mengikuti kursus Pengajian Islam I di sebuah politeknik telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Satu soal-selidik telah diedarkan untuk mendapatkan data kuantitatif dan data dianalisis menggunakan SPSS 17. 0. Hasil dapatan menunjukkan bahawa sumbangan strategi pembelajaran sendiri terhadap gred Pengajian Islam I adalah 13. 9%. Responden menggunakan strategi-strategi untuk mempelajari Pengajian Islam, iaitu dengan belajar bersama rakan, teknik pengulangan dan mengorganisasi. Teknik pengulangan merupakan penyumbang terbesar kerana pengulangan hafazan ayat al-Quran dan bacaan doa sering dilakukan semasa kelas sebagai persediaan menduduki ujian praktikal. Strategi belajar bersama rakan merupakan kedua terbesar memandangkan pelajar perlu melakukan tugas

secara berkumpulan. Kesimpulannya, strategi pembelajaran sendiri telah menyumbang dalam mencapai OBE.

**Kata kunci:** Pendidikan berasaskan hasil, strategi pembelajaran, strategi pembelajaran pengaturan sendiri, Pengajian Islam, politeknik

## ***THE ACHIEVEMENT OF OUTCOME-BASED EDUCATION (OBE) AIMS AND ISLAMIC EDUCATION SELF-REGULATED LEARNING STRATEGIES: A PILOT STUDY***

### ***ABSTRACT***

*OBE approach has already been practised in Malaysia's Malaysia's educational institutions, whether in primary, secondary or higher education. The OBE approach has become an alternative to traditional educational methodology, which prepares the students before entering the working world and to face the challenges of life after completing their study. Students who have taken Islamic Studies I in a polytechnic has participated in this study. A questionnaire was distributed to obtain quantitative data, and the data were analysed using SPSS 17. 0. The findings show that the contribution of self-regulated learning strategies towards the grade of Islamic Studies I is 13. 9%. The respondents frequently used strategies in learning the Islamic Studies I, which are studying with friends, repeating and organising notes. The repetition technique has mostly contributed to the grade because of Quranic verses memorisation and recitation of daily prayers are conducted in class as preparation for the practical test. The strategy of learning with friends follow as the second-highest contributor because students need to do assignments in groups. In conclusion, self-learning strategies have contributed to achieving OBE aims.*

**Keywords:** *Outcome-based education, learning strategies, self-regulated learning strategies, Islamic Studies, polytechnic*

### **PENGENALAN**

Usaha kerajaan dalam mentransformasikan Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dinyatakan dengan jelas dalam Agenda Pelan Transformasi Politeknik. Usaha ini menjadi satu keperluan di mana sudah tiba masanya Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia diperkasa supaya ia mampu menjadi institusi pilihan utama untuk pelajar melanjutkan pelajaran, seiring dengan institusi pengajian tinggi yang lain dan melahirkan graduan-graduan yang dapat memenuhi prospek peluang pekerjaan (Utusan Online, 2011).

Perkara ini telah dijelaskan oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Pelajaran Malaysia dalam ucapan beliau ketika merasmikan Majlis Pelancaran Transformasi Politeknik 2010 di Putrajaya International Convention Centre:

*“Saya percaya program Transformasi Politeknik yang dilancarkan pada hari ini merupakan satu usaha penting ke arah untuk meningkatkan kualiti dan memperkasa pendidikan vokasional dan teknik di negara kita....”*

(Jabatan Pengajian Politeknik, 2010)

Antara usaha yang disarankan dalam membantu gerak kerja transformasi ini adalah meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran iaitu dengan membuat pendekatan baru dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar. Datuk MohlisJaafar, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Pengajian Politeknik mengulas mengenai peranan tenaga pengajar dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dan memantapkan sektor pembangunan dan penyelidikan (Mohd. Rizal AzmanRifin, Berita Harian Online, t.t.).Bagi menyahut saranan ini, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Tn. Hj. Md. Nor Bin Yusof telah menyampaikan Amanat Tahun Baru 2011 mengenai aspek kualiti dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran politeknik-politeknik di seluruh Malaysia dengan memberi penekanan terhadap pendekatan *Outcome-Based Education (OBE)*:

*“Melalui pendekatan Outcome-Based Education (OBE), sejajar dengan keperluan Agensi Kelayakan Malaysia, politeknik perlu mengukuhkan kerelevanan dan keresponsifan program yang ditawarkan. Pendekatan OBE memerlukan anjakan daripada pembelajaran berpusatkan pensyarah kepada pembelajaran berpusatkan pelajar. Kefahaman yang mendalam dalam kalangan seluruh warga pensyarah politeknik mengenai OBE perlu dihayati sepenuhnya agar pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dapat dijalankan.”*

(Jabatan Pengajian Politeknik, 2011)

Dengan ini, pendekatan OBE telah mula dipraktikkan sebagai satu pendekatan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Pendekatan OBE mula diperkenalkan di Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia pada tahun 2010 (AmizaYaman et al., 2012). *Outcome-based Education (OBE)* atau Pembelajaran Berasaskan Hasil merujuk kepada satu pendekatan yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang menekankan kepada hasil dan pencapaian objektif terhadap sesuatu kursus akademik (Mohd Jailani Mohd Nor et al., 2005). Barr et al. (2008) juga menyatakan bahawa OBE adalah satu pendekatan yang memfokuskan kepada hasil selepas menghadiri sesuatu kursus akademik, tetapi beliau juga menambah ciri-ciri sebagai salah satu kriteria dalam pendekatan OBE. OBE memfokuskan kepada pencapaian hasil berbanding memfokuskan kepada proses untuk mencapai hasil tersebut (Mohd Jailani Mohd Nor et al.,

2005). Oleh itu, di sini dapat dijelaskan bahawa OBE adalah satu pendekatan dalam pendidikan yang menekankan apa yang pelajar dapat lakukan setelah mereka diajar (Maki, 2004; Huba & Freed, 2010).

Memandangkan OBE ini adalah pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar, Mohd Jailani Mohd Nor & Azami Zaharim (2007) menterjemahkan pencapaian matlamat OBE sebagai persediaan untuk alam pekerjaan dan menjadi ahli masyarakat kepada 3 bentuk hasil; (1) ilmu, (2) sikap dan (3) kemahiran yang dapat diaplikasikan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. OBE memerlukan pelajar yang mempunyai strategi pembelajaran sendiri yang tinggi (Singh, 2008). Satu kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa pengajar-pengajar cuba untuk mengembangkan strategi pembelajaran sendiri di kalangan pelajar melalui strategi pengajaran dan pembelajaran yang memenuhi pencapaian matlamat OBE (Thusi, 2004). Menurut Usher & Pajares (2008), strategi pembelajaran sendiri merujuk kepada proses metakognitif, satu situasi di mana pelajar-pelajar mengkaji proses pemikiran mereka, menilai prestasi dan merancang alternatif-alternatif lain untuk berjaya. Pelajar yang proaktif mampu untuk mengawal proses pembelajaran mereka sendiri termasuk proses kognitif, metakognitif, emosi dan tingkah laku (Anthony, 2008; Fritz and Peklaj, 2011). Pelajar yang berprestasi tinggi mencerminkan strategi yang mereka gunakan, biasanya dikaitkan dengan strategi keupayaan tinggi (Thronsen, 2011). Satu pencapaian cemerlang menunjukkan bahawa pelajar mampu untuk mengawal persekitaran pembelajaran. Proses ini termasuklah merancang, memantau dan strategi pembelajaran (Johnson et al, 2011). Seorang pelajar yang berjaya memerlukan kedua-dua kepercayaan motivasi dan strategi pembelajaran sendiri (Kesici & Erdogen, 2009). Motivasi memandu seseorang ke arah pencapaian matlamat kerana kepercayaan motivasi membolehkan para pelajar belajar pada kadar mereka sendiri. Kepercayaan motivasi pelajar dari segi nilai efikasi diri dan tugas adalah sangat penting (Anthony, 2008). Efikasi diri boleh terjejas dengan proses pembelajaran dan pembelajaran hasil, contohnya kepercayaan efikasi sendiri kerjaya pelajar akan meningkat apabila seseorang berpuas hati selepas menguasai tugas sukar.

Kesimpulannya, tahap pencapaian matlamat OBE diukur untuk melihat sejauh mana pendekatan OBE dijalankan. Memandangkan OBE ini melibatkan pembelajaran berpusatkan pelajar, adalah penting untuk melihat pengaplikasian strategi pendekatan sendiri di dalam kelas Pendidikan Islam I, di mana strategi pembelajaran sendiri pelajar ini amat penting untuk mencapai matlamat OBE dengan lebih baik.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk:

- i. Mengkaji tahap pencapaian matlamat OBE dalam kelas Pendidikan Islam yang diukur dengan menggunakan *Outcome-based Assessment (OBA)* iaitu gred pencapaian Pendidikan Islam I.

- ii. Mengkaji tahap pelaksanaan strategi pembelajaran sendiri di kalangan pelajar kelas Pendidikan Islam I.
- iii. Mengkaji sumbangan strategi pembelajaran sendiri dalam gred Pendidikan Islam

## REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian rintis yang berbentuk kajian tinjauan untuk mengkaji pencapaian matlamat OBE dan strategi pembelajaran sendiri dalam mata pelajaran Pendidikan Islam I. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif, di mana kaedah kuantitatif diaplikasikan dengan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada pelajar.

### Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan 30 orang pelajar Semester II di sebuah politeknik di Perak, yang dipilih secara rawak dengan kriteria di mana mereka sudah mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam I pada semester yang lepas. Pemilihan sampel ini berasaskan cadangan Isaac and Michael (1995) yang mencadangkan bahawa bilangan 10 hingga 30 adalah mencukupi dalam kajian rintis. Lebih tepat lagi, Hill (1998) juga mencadangkan seramai 10 hingga 30 orang responden bagi kajian tinjauan.

### Instrumen Kajian

Pencapaian matlamat OBE dirujuk kepada gred keseluruhan Pendidikan Islam I, di mana setiap *Course Learning Outcome* (CLO) dan *Program Learning Outcome* (PLO) perlu mendapat peratusan yang baik (melebihi 50%) sebagai penanda aras bahawa matlamat OBE tercapai. Jadual 3.0 yang berikut adalah statistik analisis PLO dan CLO mengikut setiap jabatan bagi 4 jabatan yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 1: Statistik Analisis PLO Dan CLO Mengikut Setiap Jabatan

Bil	Jabatan	Jumlah Pelajar	CLO1		CLO2		CLO3		CLO4		CLO5		PLO1		PLO6	
			Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
1	Jabatan Kejuruteraan Elektrik	130	82	63%	126	97%	124	95%	97	75%	122	94%	107	82%	128	98%

2	Jabatan Kejuruteraan Awam	337	293	87%	318	95%	312	93%	326	97%	325	97%	328	97%	328	97%
3	Jabatan Perdagangan	326	284	87%	315	97%	319	98%	308	94%	317	97%	315	97%	314	96%
4	Jabatan Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi	265	246	93%	249	94%	257	97%	253	95%	263	99%	263	99%	254	96%

Petunjuk:

CLO1: Membaca ayat-ayat al-Quran dengan bertajwid dan menghafaz surah-surah yang diberikan semasa sesi amali

CLO2: Menerangkan dengan jelas konsep ilmu dalam Islam supaya dapat diamalkan sepanjang hayat

CLO3: Memperkukuhkan pemahaman Tasawur Islam dan Akidah untuk dijadikan panduan hidup melalui penulisan analitikal berdasarkan situasi yang dierikan

CLO4: Mempamerkan akhlaq terhadap Allah SWT, rasul dan sesama manusia serta menjelaskan isu akhlaq berdasarkan situasi yang diberikan

CLO5: Menunjukkan cara pelaksanaan ibadah dalam kehidupan

PLO1: Ilmu

PLO6: Pembelajaran Berterusan dan Kemahiran Pengurusan Maklumat

Menurut Jadual 1, keempat-empat jabatan mencapai peratusan CLO dan PLO yang memuaskan. Dapat dikatakan di sini bahawa kelas-kelas Pendidikan Islam I yang terlibat telah mencapai matlamat OBE yang telah ditetapkan bagi kursus Pendidikan Islam I. Memandangkan menurut Mohd Jailani Mohd Nor & Azami Zaharim (2007) hasil matlamat OBE Pendidikan Islam dapat diukur dalam 3 bentuk, iaitu ilmu, sikap dan kemahiran, gred keseluruhan Pendidikan Islam I sudah merangkumi ketiga-tiga bentuk hasil dari segi teori (ilmu), akhlaq (sikap) dan hafazan dan amali solat (kemahiran). Oleh itu, kajian ini merujuk kepada gred pencapaian Pendidikan Islam I di mana ketiga-tiga aspek OBE telah dirangkumkan di dalam gred keseluruhan Pendidikan Islam I.

Untuk mendapat dapatan kajian berkenaan strategi pembelajaran sendiri pula, *Motivated Strategies for Learning Questionnaire (MLSQ)* yang dibina oleh McKeachie, Smith, Garcia dan Pintrich (Duncan & McKeachie, 2005), satu cara untuk mengenal pasti tahap motivasi dan aplikasi strategi pembelajaran sendiri, dengan sedikit pengubahsuaian agar ia dapat digunakan pada pelajar-

pelajar Pendidikan Islam I. Ia terdiri daripada 81 item dan terbahagi kepada dua bahagian; motivasi dan strategi pembelajaran sendiri. Jadual 2 menunjukkan pembahagian 81 item tersebut kepada komponen-komponennya.

Jadual 2: Item-Item MLSQ

<b>Bahagian 1: MOTIVASI</b>			
Komponen	Sub-skala	Bil Item	No Item
Komponen Nilai	Orientasi Matlamat Intrinsik	4	1, 16, 22, 24
	Orientasi Matlamat Ekstrinsik	4	7, 11, 13, 30
	Nilai Tugas	6	4, 10, 17, 23, 26, 27
Komponen Harapan	Kawalan Kepercayaan Pembelajaran	4	2, 9, 18, 25
	Keyakinan Diri	8	5, 6, 12, 15, 20, 21, 29, 31
Komponen Afektif	Ujian Kebimbangan	5	3, 8, 14, 19, 28
<b>Jumlah</b>		<b>31</b>	

<b>Bahagian 2: STRATEGI PEMBELAJARAN KENDIRI</b>			
Strategi	Sub-skala	Bil Item	No Item
Strategi Kognitif dan Metakognitif	Meraptai	4	39, 46, 59, 72
	Menghurai	6	53, 62, 64, 67, 69, 81
	Mengorganisasi	4	32, 42, 49, 63
	Pemikiran Kritis	5	38, 47, 51, 66, 71
	Metakognitif	12	33, 36, 41, 44, 54, 55, 56, 57, 61, 76, 78, 79
Strategi Pengurusan Sumber	Masa/ Persekitaran Pembelajaran	8	35, 43, 52, 65, 70, 73, 77, 80
	Usaha Sendiri	4	37, 48, 60, 74
	Belajar Bersama Rakan	3	34, 45, 50
	Meminta Bantuan Orang Lain	4	40, 58, 68, 75
<b>Jumlah</b>		<b>50</b>	

## ANALISA KAJIAN

Oleh sebab kajian ini adalah kajian kuantitatif, maka SPSS 17.0 digunakan untuk menganalisa data. Bagi objektif kajian (1) dan (2) ujian kekerapan dijalankan untuk mencari skor min dan sisihan piawai. Jadual 3 menunjukkan interpretasi skor min adalah seperti yang digunakan oleh Nik Mohd Rahimi (2004).

Jadual 3: Jadual Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
5.01 - 7.00	Tinggi
3.01 – 5.00	Sederhana
1.00 – 3.00	Rendah

Sebaliknya, bagi objektif kajian (3), ujian yang digunakan ialah Ujian Regresi Berganda untuk menentukan sumbangan variabel. Ujian normaliti diperlukan untuk menguji taburan data gred Pendidikan Islam I. Oleh itu, ujian normaliti Kolmogorov-Smirnov<sup>a</sup> digunakan (Piaw, 2006). Menurut Jadual 4.5, nilai signifikan melebihi 0.05 (Sig. = 0.323) menunjukkan bahawa taburan data bagi gred Pendidikan Islam I sesuai digunakan untuk ujian regresi berganda untuk menguji objektif (9) dan (10).

Jadual 4: Ujian Normaliti

Variabel	Kolmogorov-Smirnov <sup>a</sup>		
	Statistik	Df	Sig.
Gred Pendidikan Islam I	.323	30	.000

*a. Lilliefors Significance Correction*

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dibahagikan kepada dua, iaitu analisis data deskriptif dan analisis data inferential.

### Analisis Data Deskriptif

Ujian kekerapan dijalankan untuk mengkaji objektif (1) dan (2).

### Objektif 1: Mengkaji tahap pencapaian OBE melalui gred keseluruhan Pendidikan Islam I

Jadual 5: Skor Min Gred Pendidikan Islam I

Variabel	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Gred Pendidikan Islam I	2.23	1.77	Rendah

Menurut Jadual 5, skor min bagi gred Pendidikan Islam I adalah 2.23 dan ini diinterpretasikan sebagai rendah. Ini juga menunjukkan bahawa tahap pencapaian OBE dalam kelas Pendidikan Islam adalah rendah.



## Objektif 2: Mengkaji tahap pelaksanaan strategi pembelajaran sendiri Pendidikan Islam I

Jadual 6: Skor Min Strategi Pembelajaran Kendiri Pendidikan Islam I

Variabel	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Meraptai	5.70	1.07	Tinggi
Menghurai	5.09	1.04	Tinggi
Mengorganisasi	5.73	0.85	Tinggi
Pemikiran Kritis	5.23	0.88	Tinggi
Metakognitif	4.76	0.93	Sederhana
Masa/ Persekitaran	4.55	0.84	Sederhana
Pembelajaran	3.59	1.12	Sederhana
Usaha Sendiri	5.94	3.90	Tinggi
Belajar Bersama Rakan	5.35	0.97	Tinggi
Meminta Bantuan Orang Lain			
<b>SRATEGI PEMBELAJARAN KENDIRI</b>	<b>5.10</b>	<b>0.89</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 6 menunjukkan skor min bagi setiap strategi pembelajaran sendiri yang diaplikasikan oleh pelajar. Secara keseluruhannya, skor min strategi pembelajaran sendiri berada pada tahap yang tinggi. Terdapat 6 strategi yang mendapat tahap yang tinggi iaitu meraptai (5.70), menghurai (5.09), mengorganisasi (5.73), pemikiran kritis (5.23), belajar bersama rakan (5.94) dan meminta bantuan orang lain (5.35). Manakala terdapat 3 strategi yang mendapat skor min yang rendah iaitu metakognitif (4.76), masa/ persekitaran pembelajaran (4.55) dan usaha sendiri (3.59).

### Analisis Sumbangan

Analisis sumbangan menggunakan ujian regresi berganda dijalankan bagi melihat sumbangan strategi pembelajaran sendiri terhadap gred Pendidikan Islam I.

### Objektif 3: Mengkaji sumbangan strategi pembelajaran sendiri kepada gred Pendidikan Islam I

Ujian regresi berganda digunakan untuk menguji sejauh manakah penggunaan strategi pembelajaran sendiri menyumbang kepada gred Pendidikan Islam I. Analisis inferens ini dijalankan bagi mengkaji objektif 3.

Jadual 7: Sumbangan Penggunaan Strategi Pembelajaran Kendiri terhadap Gred Keseluruhan Pendidikan Islam I

Variabel	B	Beta	R	R <sup>2</sup>	R <sup>2</sup> Diubahsuai	t	Sig.
Meraptai	-	-	0.090	0.057	0.057	-	0.108
Menghurai	0.493	0.300	0.068	0.008	-0.031	1.662	0.720
Mengorganisasi	-	-	0.009	0.000	-0.036	-	0.964
Pemikiran Kritis	0.117	0.068	0.008	0.000	-0.036	0.363	0.966
Metakognitif	-	-	0.075	0.006	-0.030	-	0.695
Masa/ Persekitaran	0.018 0.016	0.009 0.008	0.122 0.174	0.015 0.030	-0.020 -0.004	0.046 0.043	0.520 0.357
Pembelajaran	0.142	0.075	0.141	0.020	-0.015	0.390	0.456
Usaha	0.256	0.122	0.098	0.010	-0.026	0.652	0.605
Belajar Bersama	0.275	0.174				0.937	
Rakan	0.064	0.141				0.755	
Meminta	-	-				0.523	
Bantuan Orang Lain	0.179	0.098					

$F=2.149$  Sig.  $F=0.74$

Analisis regresi berganda seperti dalam Jadual 5.2 menunjukkan bahawa korelasi antara gred Pendidikan Islam I dengan meraptai (0.090), menghurai (0.068), mengorganisasi (0.009), pemikiran kritis (0.008), metakognitif (0.075) dan meminta bantuan orang lain (0.098) boleh diabaikan, manakala korelasi gred Pendidikan Islam I dengan masa / persekitaran pembelajaran (0.122), usaha (0.174), belajar bersama rakan (0.141) adalah pada tahap yang rendah. Keputusan ujian-t pula menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gred Pendidikan Islam I dengan strategi pembelajaran sendiri.

Dapatan kajian menunjukkan 7 daripada 9 strategi didapati memberi sumbangan yang utama terhadap gred Pendidikan Islam I. Nilai R<sup>2</sup> menunjukkan bahawa 5% (meraptai), 0.8% (menghurai), 0% (mengorganisasi dan pemikiran kritis), 0.6% (metakognitif), 1.5% (masa/ persekitaran pembelajaran), 3% (usaha), 2% (belajar bersama rakan) dan 1% (meminta bantuan orang lain). Secara keseluruhannya, strategi pembelajaran sendiri menyumbang 13.9% kepada gred Pendidikan Islam I.

## PERBINCANGAN

Daripada dapatan kajian yang telah dianalisa, keputusan analisa menunjukkan bahawa gred Pendidikan Islam I berada di tahap rendah dan ini juga menunjukkan bahawa tahap pencapaian OBE juga berada di tahap yang rendah. Ini kerana, dengan tercapainya CLO dan PLO kursus Pendidikan Islam I, maka tercapailah matlamat OBE dalam kursus ini. Tahap pencapaian CLO dan PLO kursus ini diukur berpandukan gred keseluruhan Pendidikan Islam I. Walau bagaimanapun, analisis keseluruhan statistik pencapaian CLO dan PLO

adalah pada tahap yang memuaskan. Ini menunjukkan terdapat beberapa CLO yang mendapat peratusan yang rendah, contohnya CLO1 bagi pelajar Kejuruteraan Elektrik adalah 63%.

Dapatan kajian juga menunjukkan tahap penggunaan strategi pembelajaran sendiri dalam mata pelajaran Pendidikan Islam I berada pada tahap yang tinggi. Hanya tiga sub-skala yang mencapai tahap penggunaan yang sederhana iaitu metakognitif, masa atau persekitaran pembelajaran dan usaha sendiri. Ini menunjukkan bahawa responden kurang menggunakan kemahiran metakognitif, kurang meregulasikan masa atau tempat untuk belajar, dan kurang berusaha untuk mencapai matlamat yang dibina. Boleh dikatakan mereka kurang berusaha untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan di awal pembelajaran. Mereka juga kurang merancang masa dan tempat yang sesuai untuk belajar. Strategi-strategi pembelajaran yang lain berada di tahap yang tinggi iaitu meraptai, menghurai, mengorganisasi, pemikiran kritis, usaha sendiri, belajar bersama rakan dan meminta bantuan orang lain. Oleh itu dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Pendidikan Islam I meraptai (mengulang) bahan-bahan bacaan Pendidikan Islam I, menghurai bahan-bahan tersebut, mengorganisasi (menyusun) bahan-bahan itu seperti menyimpan di dalam fail, berusaha untuk mencapai yang terbaik dalam kursus Pendidikan Islam I, belajar bersama rakan-rakan dan meminta bantuan orang lain apabila terdapat masalah dalam pembelajaran kursus Pendidikan Islam I.

Dari segi analisis sumbangan pula, terdapat tujuh strategi yang memberi sumbangan kepada gred Pendidikan Islam I, iaitu meraptai, menghurai, kemahiran metakognitif, masa/ persekitaran pembelajaran, usaha, belajar bersama rakan dan meminta bantuan orang lain sedangkan terdapat tiga strategi yang digunakan secara sederhana iaitu menggunakan kemahiran metakognitif, meregulasikan masa dan tempat belajar dan berusaha gigih. Strategi yang kerap digunakan pelajar Pendidikan Islam I adalah belajar bersama rakan, meraptai dan mengorganisasi. Walau bagaimanapun, meraptai memberi sumbangan yang paling banyak dalam gred Pendidikan Islam I dan diikuti dengan belajar bersama rakan. Ini kerana pelajar perlu mengulang bacaan ayat-ayat hafazan dan bacaan solat untuk ujian amali. Kursus Pendidikan Islam I juga melibatkan kerja kursus berkumpulan dan melibatkan belajar bersama rakan. Kesimpulannya, strategi pembelajaran sendiri mempunyai sumbangan dalam pencapaian matlamat OBE, walau pun pada kadar yang sedikit.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan dapatan kajian, dapat dikatakan bahawa strategi pembelajaran sendiri memberi sumbangan yang agak sedikit kepada pencapaian gred Pendidikan Islam I. Walau pun tahap penggunaan strategi pembelajaran sendiri dan tahap motivasi yang tinggi, ia hanya dapat membantu meningkatkan gred Pendidikan Islam I dalam kadar yang rendah, justeru itu pencapaian OBE juga adalah di tahap yang rendah. Walau pun kajian ini hanya kajian rintis, ia dapat memberitahu bahawa terdapat faktor lain yang dapat meningkatkan tahap pencapaian matlamat OBE selain daripada strategi pembelajaran sendiri. Ini

bukan bermakna strategi-strategi ini tidak membantu langsung, tetapi sumbangannya terhadap gred Pendidikan Islam I adalah sangat sedikit. Walau bagaimanapun terdapat beberapa strategi yang boleh dipraktikkan oleh pelajar bagi membantu menaikkan gred Pendidikan Islam I, iaitu belajar bersama rakan dan meraptai. Proses mengulangkaji berkumpulan dan mengulang ayat-ayat hafazan dan bacaan solat membantu pelajar dalam pencapaian gred Pendidikan Islam yang baik.

## RUJUKAN

- AmizaYaman, Noremy Che Azemi&FadzlidaShamsudin.(2012). Kesediaan Pensyarah dalam Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PnP) Menggunakan Pendekatan *Outcome-Based Education (OBE)* di Politeknik Port Dickson. Dirujuk pada 30 Julai 2012 daripada [http://www.polipd.edu.my/v3/sites/default/files/20111007\\_Amiza\\_Noremy\\_Fadzlida.pdf](http://www.polipd.edu.my/v3/sites/default/files/20111007_Amiza_Noremy_Fadzlida.pdf)
- Anthony, Jr,A.R. (2008). Promoting Academic Motivation and Self-regulation: Practical Guidelines for Online Instruction. *TechTrends*, 52(3).
- Barr, R.E., Krueger, T.J. and Aanstoos, T.A. (2006) ‘Continuous Outcomes Assessment in an Introduction to Mechanical Engineering Course’, *36<sup>th</sup> ASEE/IEEE Frontiers in Education Conference*, S1E-9 – S1E-14.
- Duncan, T. G., &McKeachie, W. J. (2005).The Making of the Motivated Strategies for Learning Questionnaire.*Educational Psychologist*, 40: 117-128.
- Fritz, B.S. &Peklaj, C. (2011).Processes of self-regulated learning in music theory in elementary music schools in Slovenia.*International Journal of Music Education*, 29(15).
- Hill, R. (1998). What sample size is “enough” in internet survey research? *Interpersonal Computing and Technology: An Electronic Journal for the 21st Century*, 6(3-4).
- Huba, M.E. & Freed, J.E. (2000).*Learner-Centered Assessment on College Campuses*.Boston: Allyn& Bacon.
- Isaac, S., & Michael, W. B. (1995). Handbook in research and evaluation. San Diego, CA: Educational and Industrial Testing Services.
- Jabatan Pengajian Politeknik. (2010). *Teks Ucapan YAB Tan Sri Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin: Majlis Pelancaran Transformasi Politeknik*. Dirujuk pada 30 Julai 2012, daripada <http://politeknik.gov.my/webjpp2/files/Ucapan%20Timbalan%20Perdana%20Menteri%20Sempena%20Majlis%20Pelancaran%20Transformasi%20Politeknik%20pada%20250210.pdf>
- Jabatan Pengajian Politeknik. (2011). Warga Berinfomasi, Pemacu Tranformasi.*Amanat Tahun Baru 2011: Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Tn. Hj. Md. Nor Bin Yusof*. Dirujuk pada 30 Julai 2012, daripada <http://politeknik.gov.my/dokumen/files/AMANAT%20TAHUN%20BAHARU%20KP%20versi%20laman%20web.pdf>

- Johnson, A.M., Azevedo, R. & D'Mello, S.K. (2011). The Temporal and Dynamic Nature of Self-Regulatory Processes During Independent and Externally Assisted Hypermedia Learning. *Cognition and Instruction*, 29(4): 471-504.
- Kesici, Ş., & Erdogan, A. (2009). Predicting College Students' Mathematics Anxiety By Motivational Beliefs And Self-Regulated Learning Strategies. *College Student Journal*, 43(2): 631-642.
- Killen, R. (2000). *Outcomes-based education: Principles and possibilities*. Unpublished manuscript, University of Newcastle, Faculty of Education
- Maki, P.L. (2004). *Assessing for Learning: Building a Sustainable Commitment Across the Institution*. Sterling, VA: Stylus.
- Mohd Jailani Mohd Nor & Azami Zaharim. (2007). Perbandingan Pendekatan Pendidikan Sepadu dalam Pembelajaran Berasaskan Hasil (OBE) dengan Model Pendidikan Islam. *Seminar Pendidikan Kejuruteraan dan Alam Bina*.
- Mohd Jailani Mohd Nor, Noraini Hamzah, Hassan Basri & Wan Hamodin Wan Badaruzzaman. (2005). Pembelajaran Berasaskan Hasil: Prinsip dan Cabaran *Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan*.
- Mohd. Rizal Azman Rifin. (t.t.). Merealisasikan Agenda Transformasi Politeknik. *Berita Harian Online*. Dirujuk pada 30 Julai 2011 daripada <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Merealisasikanagendaansipoliteknik/Article>
- Nik Mohd Rahimi, N. Y. 2004. Kemahiran Mendengar Bahasa Arab: Satu Kajian di Sekolah Menengah Kerajaan Negeri. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Singh, P. (2008). Video-based Self-regulated Learning Strategies to Attain Metacognitive Consonance: A Hybrid Model. *Education Association of South Africa*, 20(3).
- Thronsen, I. (2011). Self-regulated Learning of Basic Arithmetic Skills: A Longitudinal Study. *British Journal of Educational Psychology*, 81: 559-578.
- Thusi, Z.E. (2004). *Are We Developing Self-Regulated Learners in Grade Mathematic Classrooms: A Case Study Conducted At A High School in Kwa-Zulu Natal*. Disertai Sarjana Pendidikan Universiti Kwazulu-Natal.
- Usher, E.L. & Pajares, F. (2008). Self-Efficacy for Self-Regulated Learning : A Validation Study. *Educational and Psychological Measurement*, 68(443).
- Utusan Online. 2011. *Politeknik Perlu Diperkasa, Jadi Pilihan Lulusan SPM*. Dirujuk pada 30 Julai 2011 daripada [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0525&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Kampus&pg=ka\\_03.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0525&pub=Utusan_Malaysia&sec=Kampus&pg=ka_03.htm)